



Rujukan : (10) dlm.BPFK/PASCA/K/23 Jld. I
Tarikh : 02 FEB 2017

SEMUA PEMEGANG NOTIFIKASI KOSMETIK

PERSATUAN BERKENAAN (SEPERTI PADA SENARAI EDARAN)

Tuan/ Puan,

PEKELILING BERKENAAN KEPERLUAN UNTUK MENGEMASKINI/ MEMUAT NAIK LABEL PRODUK KOSMETIK PADA SISTEM QUEST3+

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana yang pihak tuan/puan sedia maklum, modul QUEST 3+ bagi notifikasi produk kosmetik telah mula beroperasi sejak **1 Ogos 2016**. Salah satu keperluan notifikasi ialah pihak syarikat perlu mengemukakan/memuat naik label produk semasa notifikasi kosmetik baru.

3. Untuk makluman tuan/puan, bagi produk kosmetik yang telah dinotifikasikan melalui sistem QUEST 3 sebelum ini, pihak syarikat adalah bertanggungjawab untuk mengemaskini/memuat naik label produk terkini bagi produk-produk kosmetik yang terlibat, melalui sistem **QUEST 3+**.

4. Sehubungan itu, semua syarikat pemegang notifikasi kosmetik diarahkan untuk mengemaskini/memuat naik label produk kosmetik terkini melalui applikasi "Type 1 Notification Changes" pada sistem QUEST 3+. Bersama-sama ini disertakan panduan yang menerangkan langkah-langkah yang perlu dilakukan sebagai rujukan.

5. Tuan/puan diberi tempoh sehingga **31 Disember 2017** untuk mengemaskini/memuat naik label kesemua produk kosmetik yang dinotifikasi oleh pihak tuan/puan. Tuan/puan dinasihatkan untuk membuat perancangan yang teliti bagi mengelakkan sebarang kesulitan yang akan timbul. Kegagalan untuk mematuhi arahan dan keperluan tersebut boleh menyebabkan tindakan regulatori seperti **Pembatalan Notifikasi** diambil terhadap produk- produk yang terlibat.




6. Sila ambil maklum bahawa arahan ini adalah berkuatkuasa **serta-merta** mulai tarikh pekeliling ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(SITI AIDA BINTI ABDULLAH)
Pengarah Regulatori Farmasi
Agensi Regulatori Farmasi Negara
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k Pengarah Penguatkuasaan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

mcl/za/wmwm


SENARAI EDARAN:

1. Presiden
Persatuan Kosmetik, Dandanan Diri dan Haruman Malaysia,
(The Cosmetic, Toiletry and Fragrance Association of Malaysia (CTFA))
1005, Block B, Level 10, Phileo Damansara1,
No. 9, Jalan 16/11 Off Jalan Damansara,
46350 Petaling Jaya,
Selangor.


2. Presiden
*Federation of Malaysian Manufacturers Malaysian Cosmetics and Toiletries
Industry Group (FMM MCTIG)*
Wisma FMM, No. 3, Persiaran Dagang, PJU 9,
Bandar Sri Damansara,
52200 Kuala Lumpur.

MANUAL FOR TYPE 1 NOTIFICATION CHANGES QUEST3+

Step 1: Click on **Registered User** to login. Key in the username and password, then Click **Login**.



Step 2: Click on **Cosmetic Notification**.



Step 3: Click on Notification Changes, then click TYPE 1.

Notification Changes

Importance Notice
 1. Please submit NEW NOTIFICATION if the notification has expired
 2. No processing fee for Type 1 changes
 3. Processing fee for Type 2 changes is RM50.00. A new notification number will be generated if the product is notified.

List of changes

1	Brand Name	Type 2	New NOT & RM50
2	Company change due to change of distribution rights	Type 2	New NOT & RM50
3	Intended Use	Type 2	New NOT & RM50
4	Product Name	Type 2	New NOT & RM50
5	Product Type	Type 2	New NOT & RM50
6	Formulation	Type 2	New NOT & RM50
7	Manufacturer and/or assembler (name and/or address)	Type 2	New NOT & RM50
8	Product presentation (single product, pellets in orange)	Type 1	Amendment only
9	Name and/or address of company without change of distribution rights (Please use 'WLB' for address)	Type 1	Amendment only
10	Person representing company	Type 1	Amendment only
11	Product labels	Type 1	Amendment only
12	Importer / Distributor	Type 1	Amendment only
13	Letter of Authorization / Letter of Declaration / Letter of Contract Manufacturing Appointment and Acceptance	Type 1	Amendment only

NOTIFICATION CHANGES (Submission Form)

Type 1 changes may be submitted together with Type 2 changes

TYPE 1 TYPE 1 AND TYPE 2

Step 4: Click on Edit and upload the product label at section G-H

Cosmetic Notification List

Copy CSV Excel PDF Print Search:

Reference No.	Notification No.	Product Name	Notification Validity	Action
2012100000956-P	NDT161106549K	bpik cream	30-11-2016 - 30-11-20	EDIT

Showing 1 to 1 of 1 entries